

Ucapan Alu-aluan

**Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D. Mudin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah**

**Majlis Pelancaran Tamu Gadang UMS Tahun 2017
Tarikh : 15 November 2017 (Rabu)
Masa : 7.30 Malam
Tempat : Padang Kawad, UMS**

Salutasi

1. Yang Berhormat Datuk Johnson Tee,
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri
Sabah
2. Yang Berbahagia Datin Hajah Nurlaila Bt.
Said,
Ahli Lembaga Pengarah UMS
3. Yang Berbahagia Datin Roha Asmara,
Yang Dipertua KESUMBA, UMS

4. Yang Berusaha Prof. Dr. Ismail Ali,
Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar
& Alumni UMS merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Tamu Gadang Sempena
Majlis Konvokesyen Ke-19 Universiti
Malaysia Sabah
5. Saudara Jusman Nali,
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS
Sesi 2017/2018

Pegawai-pegawai utama dan kanan UMS, tetamu-tetamu jemputan dan seluruh warga Universiti Malaysia Sabah.

Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya dapatlah kita bersama-sama pada malam ini untuk menjayakan pelancaran Tamu Gadang UMS bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS ke-19 bagi tahun 2017.

Pertama sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jonathan Tee atas kesudian beliau meluangkan masa bersama-sama kita pada malam pelancaran Tamu Gadang UMS.

Yang Berhormat Datuk, Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Tamu Gadang merupakan acara tahunan yang dianjurkan pada setiap tahun bersempena Majlis Konvokesyen UMS. Selain itu, ianya merupakan platform untuk melatih kepimpinan dalam kalangan pelajar UMS khususnya dalam melaksanakan program di dalam kampus.

Untuk makluman, pada tahun ini, majlis kita juga akan diserikan dengan pelbagai acara pentas dan malam konsert artis-artis seperti,

Haqiem Rusli, Ernie, Wany Hasrita yang kebetulan merupakan finalis Anugerah Juara Lagu dan ramai lagi artis tempatan Sabah.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Tamu Gadang kali ini, jawatankuasa penganjur, jawatankuasa pelajar, penaja, peniaga-peniaga gerai, graduan-graduan dan semua pengunjung yang sudi memeriahkan aktiviti-aktiviti sepanjang Tamu Gadang ini berlangsung.

Akhir kata, Syabas dan Tahniah kepada semua.

Sekian, terima kasih.